

DBKL diarah segera naik taraf Jalan Melayu

Proses itu bertujuan menghidupkan identiti Melayu di sekitar jalan berkenaan

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

KUALA LUMPUR

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sudah mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempercepatkan proses pelaksanaan menaik taraf dan mengindahkan Jalan Melayu.

Menterinya, Tan Sri Annuar Musa berkata, proses berkenaan bertujuan menghidupkan identiti Melayu di sekitar jalan berkenaan dan DBKL juga perlu memberi keizinan kepada peniaga untuk menjalankan operasi.

"Saya dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mahadi Che Ngah hari ini lawati Jalan Melayu.

"Satu-satunya nama Jalan Melayu tapi kenapa mesti selekeh, tak kemas dan tiada identiti Melayu (sedangkan) Jalan Masjid India sebelumnya sudah cantik.

"Saya mahu DBKL serta-merta



Annuar ketika meninjau keadaan di Jalan Melayu semalam.

naik taraf dan indahkan Jalan Melayu dan izinkan peniaga berniaga di situ," katanya di Facebook semalam.

Sebelum ini, KWP turut mengumumkan pelaksanaan Wilayah Bebas Berniaga selama enam bulan bermula semalam hingga 15 April 2021 bagi membantu meringankan bebanan penduduk khususnya susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Menerusi perkongsian berlain-

an, Annuar turut berkesempatan melawat beberapa kafe dan kiosk peniaga yang mengikuti Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota@Wilayah di sekitar Kuala Lumpur.

Annuar berkata, beliau mahu melihat anak muda mendapat peluang yang berkualiti untuk berniaga di lokasi strategik di sekitar ibu kota.

"Saya yakin mereka boleh maju asal diberi peluang," katanya.

FOTO: IHSAN FACEBOOK TAN SRI ANNUAR MUSA